

18/02/1998

Selangor patuhi nasihat presiden

KLANG, Selasa - Badan Perhubungan Umno Selangor memutuskan semua jawatan tertinggi di peringkat bahagian terutama Ketua Umno bahagian di negeri ini, tidak dipertanding dalam pemilihan pucuk pimpinan bahagian, Mac ini.

Keputusan itu dicapai dalam mesyuarat Badan Perhubungan Umno yang dipengerusikan Datuk Abu Hassan Omar di Bangunan Umno Selangor di Shah Alam dekat sini, malam tadi.

"Mesyuarat juga memutuskan ahli yang mencabar jawatan peringkat tertinggi di peringkat bahagian, kecuali jawatan Ketua Pemuda bahagian yang mana penyandanginya sudah melebihi umur 40 tahun, akan dikenakan tindakan.

"Nama mereka juga akan diserahkan kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno untuk tindakan lanjut," kata seorang ahli jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Selangor yang enggan namanya siarkan di sini, hari ini.

Beliau berkata, keputusan itu dicapai bagi mematuhi nasihat Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, katanya, keputusan itu sudah pasti mengecewakan 10 daripada 17 Ketua Pemuda Umno bahagian di negeri ini yang tidak boleh bertanding mengekalkan jawatan masing-masing kerana melebihi umur 40 tahun.

"Selepas melepaskan jawatan Ketua Pemuda kerana faktor usia, mereka terpaksa membawa haluan masing-masing dalam perjuangan mereka apabila tidak dibenarkan bertanding merebut jawatan pucuk pimpinan peringkat bahagian dalam pemilihan kali ini," katanya.

Ketua Pemuda Umno bahagian terbabit ialah Selayang, Tanjung Karang, Shah Alam, Sepang, Sabak Bernam, Klang, Hulu Langat, Subang, Gombak dan Petaling Jaya Selatan (PJS).

"Inilah dilema yang dihadapi 10 Ketua Pemuda Umno bahagian untuk meneruskan perjuangan mereka. Jika ada pun, berdasarkan simpati Umno bahagian masing-masing untuk melantik mereka sebagai ahli jawatankuasa," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Badan Perhubungan Umno, Datuk Onn Ismail ketika dihubungi mengesahkan keputusan itu, tetapi enggan mengulas lanjut.

"Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar akan membuat kenyataan penuh berhubung keputusan itu dalam sidang akhbar di Shah Alam, esok," katanya.

Jumaat lalu, akhbar ini melaporkan 12 daripada 17 jawatan Ketua Pemuda Umno bahagian di Selangor akan menyaksikan pertandingan dalam pemilihan di peringkat bahagian pada Mac ini, berikutan penyandang jawatan itu melebihi umur 40 tahun.

(END)